



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid

Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web : <http://jpn.moe.gov.my/jpnjohor>
e-mel : jpn.johor@moe.gov.my
Telefon : 07-2311480/481 Faks : 07-2380742

Ruj. Kami : JPNJ.600-3/4/12 (14)

Tarikh : 20 Januari 2026

Encik Mohd Suhaimi bin Ramly

Pengarah Urusan

Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd.

100-1, Jalan 2/23A, Off Jalan Genting Klang,

Taman Danau Kota,

53300 Setapak,

Kuala Lumpur

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN SOKONGAN KEBENARAN MENJALANKAN
PERTANDINGAN KANGAROO MATH, KANCIL SCIENCE DAN BEAVER
COMPUTATIONAL TAHUN 2026 ANJURAN ARDENT EDUCATIONAL
CONSULTANTS SDN. BHD**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) telah menerima dan meneliti permohonan **kebenaran guru dan murid untuk menyertai Pertandingan Kangaroo Math, Kancil Science dan Beaver Computational Tahun 2026** daripada pihak tuan. Pihak JPNJ mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak JPNJ mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** atas permohonan **Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd.** bagi kebenaran guru dan murid sekolah yang berminat untuk menyertai program ini, selaras Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 24/1998, Bil. 9/2000, Bil. 9/2004, Bil. 8/2009, Bil. 10/2011, Bil. 5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010. Pihak tuan juga perlu mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Namun kelulusan ini adalah terhad kepada urusan pihak tuan dengan pihak pengurusan sekolah yang dimohon sahaja bagi hal-hal berkaitan dengan perkara tersebut di samping mematuhi syarat-syarat berikut:

- 3.1 pihak tuan hendaklah **memohon kebenaran daripada Pengetua / Guru Besar sekolah yang disasarkan** dengan mengemukakan surat sokongan badan induk, kertas kerja, sijil kelayakan tenaga pengajar, silibus aktiviti dan jadual mengajar aktiviti yang lengkap;

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN SOKONGAN KEBENARAN MENJALANKAN
PERTANDINGAN KANGAROO MATH, KANCIL SCIENCE DAN BEAVER
COMPUTATIONAL TAHUN 2026 ANJURAN ARDENT EDUCATIONAL
CONSULTANTS SDN. BHD.**

- 3.2 hanya **ahli dan jurulatih/ tenaga pengajar bertauliah serta berdaftar** dengan badan induk sahaja yang dibenarkan mengajar di sekolah secara bersemuka;
- 3.3 jurulatih/ tenaga pengajar yang terlibat dalam aktiviti secara bersemuka bersama murid hendaklah **lengkap divaksin**;
- 3.4 jurulatih/ tenaga pengajar perlu menjalani ujian RTK-Antigen (kit ujian sendiri Covid-19) atas tanggungan sendiri sebelum melaksanakan aktiviti dalam kawasan sekolah;
- 3.5 **mematuhi semua SOP** yang ditetapkan oleh KPM / MKN / KKM dan Kementerian Belia dan Sukan;
- 3.6 memastikan penyertaan guru dan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran** mereka;
- 3.7 **tiada unsur paksaan** kepada sekolah, guru, murid untuk menyertai program tersebut;
- 3.8 pengajaran / latihan hendaklah dilaksanakan dalam **waktu kegiatan kokurikulum atau pada hujung minggu** tanpa menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran;
- 3.9 memastikan murid yang bergejala tidak dibenarkan menyertai aktiviti secara bersemuka;
- 3.10 pihak tuan adalah bertanggungjawab **menjaga keselamatan dan kebajikan** murid yang terlibat dalam program ini;
- 3.11 penyertaan murid hendaklah **secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga**;
- 3.12 membuat perbincangan lanjut dengan pihak sekolah dan ibu bapa **apabila melibatkan yuran atau sumbangan program**;
- 3.13 pihak tuan dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program (30 hari selepas program) bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan;

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN SOKONGAN KEBENARAN MENJALANKAN
PERTANDINGAN KANGAROO MATH, KANCIL SCIENCE DAN BEAVER
COMPUTATIONAL TAHUN 2026 ANJURAN ARDENT EDUCATIONAL
CONSULTANTS SDN. BHD.**

- 3.14 surat ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.15 tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, PPD dan sekolah yang terlibat; dan
- 3.16 JPNJ berhak menarik balik surat kelulusan ini sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

4. Kelulusan ini hanya untuk kebenaran **Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd.** menjalankan **Pertandingan Kangaroo Math, Kancil Science dan Beaver Computational Tahun 2026** bermula **12 Januari hingga 18 Jun 2026**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Unit Pembangunan Bakat Murid, JPNJ.

5. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh berhubung dengan **Encik Mohd Faizal bin Sabtu**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor di talian **07-2312493** atau menerusi **emel faizal.sabtu@moe.gov.my**

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD KAMAL BIN AHMAD UNTONG)

Sektor Pembangunan Murid

b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Johor

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

s.k. : 1. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor

Tarikh : 7 Januari 2026
Ruj.kami : ARDENTEDU2026/01

PENGARAH

Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
Jalan Tun Abdul Razak,
80604 Johor Bahru, Johor.

Tuan/Puan,

PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN PELAJAR SEKOLAH RENDAH & MENENGAH DALAM PERTANDINGAN *KANGAROO MATH, KANCIL SCIENCE, BEAVER COMPUTATIONAL, ECONOMICS EXPLORER, EARTH EXPLORER, GALAXY EXPLORER, LANGUAGE EXPLORER, GEOGRAPHY EXPLORER, BIOLOGY EXPLORER* TAHUN 2026
ANJURAN ARDENT EDUCATIONAL CONSULTANTS SDN. BHD.

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ardent Educational Consultants Sdn Bhd (ArdentEdu) telah dilantik sebagai wakil negara bagi dua pertubuhan pendidikan antarabangsa iaitu ***Association Kangourou sans Frontieres (AKSF)*** dan ***National Bebras Organizer (NBO)***. Laman web rasmi bagi kedua-dua pertubuhan ini ialah www.aksf.org dan www.bebras.org.

3. Lantikan ini dibuat berdasarkan profil Ardent Educational Consultants Sdn Bhd (ArdentEdu) yang mempunyai reputasi cemerlang dalam perkhidmatan berkaitan pendidikan. Pelantikan ArdentEdu sebagai ahli AKSF dan NBO telah membawa kepada penganjuran ***Kangaroo Math*** dan ***Beaver Computational*** di Malaysia. ArdentEdu juga telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan beberapa pertandingan bagi subjek sains, bahasa dan ekonomi iaitu ***Kancil Science, Economics Explorer, Earth Explorer, Galaxy Explorer, Language Explorer, Geography Explorer*** dan ***Biology Explorer Competition***. Pertandingan-pertandingan ini merupakan satu platform untuk membentuk pelajar pelapis yang berpotensi untuk turut serta dalam pertandingan-pertandingan olimpiad antarabangsa di bawah anjuran ArdentEdu.

4. Pertandingan-pertandingan ini akan dijalankan pada butiran-butiran yang berikut:


Nama Pertandingan	Tarikh Pertandingan	Durasi	Laman Sesawang
Kangaroo Math Competition	22 April 2026	75 minit	https://www.kangaroomath.com.my
Beaver Computational Thinking Competition	12 Mei 2026	45 minit	https://beaver.my
Kancil Science Competition	18 Jun 2026	60 minit	https://kancilscience.my
Biology Explorer Competition	9 November 2025	75 minit	https://olympiad.my
Economics Explorer Competition	15 November 2025	75 minit	https://olympiad.my
Galaxy Explorer Competition	16 November 2025	75 minit	https://olympiad.my
Language Explorer Competition	1 November 2025	75 minit	https://olympiad.my
Earth Explorer Competition	2 November 2025	75 minit	https://olympiad.my
Geography Explorer Competition	8 November 2025	75 minit	https://olympiad.my

5. Kepakaran ArdentEdu dalam bidang pendidikan telah membawa kepada penganjuran pertandingan-pertandingan bagi pelajar berumur 7 hingga 18 tahun di Malaysia. Antara pencapaian ArdentEdu adalah membekalkan khidmat jurulatih bagi pertandingan *International Mathematical Olympiad* (IMO) dan menguruskan penganjuran peringkat kebangsaan bagi pemilihan pelajar ke pertandingan *International Earth Science Olympiad* (IESO), *International Linguistics Olympiad* (IOL), *International Junior Science Olympiad* (IJSO), *International Astronomy Olympiad* (IAO), *International Geography Olympiad* (IGeo), *International Biology Olympiad* (IBO) dan *International Economics Olympiad* (IEO). Selain itu, ArdentEdu turut mempunyai kepakaran dalam penganjuran program-program matematik seperti bengkel matematik dan juga bengkel olimpiad matematik di sekolah rendah dan menengah.

6. Justeru, pihak kami sekali lagi ingin memohon kebenaran daripada pihak Tuan/Puan untuk meneruskan penganjuran pertandingan-pertandingan ini di sekolah. Pertandingan ini akan dikelolakan oleh syarikat **Ardent Educational Consultants Sdn Bhd**, iaitu syarikat bumiputera yang memfokuskan kepada konsultasi pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Segala pertimbangan dan kerjasama dari pihak Tuan/Puan kami dahului dengan jutaan terima kasih.

Yang menjalankan tugas,



.....
MOHD SUHAIMI BIN RAMLY

Pengarah Urusan

Ardent Educational Consultants Sdn Bhd

Lampiran:

1. SURAT MAKLUM BALAS PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID DALAM PERTANDINGAN KANGAROO MATH, KANCIL SCIENCE, BEAVER COMPUTATIONAL, ECONOMICS EXPLORER, EARTH EXPLORER, GALAXY EXPLORER, LANGUAGE EXPLORER, GEOGRAPHY EXPLORER, BIOLOGY EXPLORER TAHUN 2026 ANJURAN ARDENT EDUCATIONAL CONSULTANTS SDN BHD DARIPADA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTER
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8889 6680
Website : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: KPM.600-12/1/4 Jld. 73 (13)
Tarikh: 18 Disember 2025

Encik Mohd Suhaimi bin Ramly
Pengarah Urusan
Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd.
100-1 Jalan 2/23A Off Jalan Genting Klang
53300 Kuala Lumpur

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID DALAM PERTANDINGAN *KANGAROO MATH, KANCIL SCIENCE, BEAVER COMPUTATIONAL, ECONOMICS EXPLORER, EARTH EXPLORER, GALAXY EXPLORER, LANGUAGE EXPLORER, GEOGRAPHY EXPLORER, BIOLOGY EXPLORER* TAHUN 2026 ANJURAN ARDENT EDUCATIONAL CONSULTANTS SDN. BHD.

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Pertandingan *Kangaroo Math, Kancil Science, Beaver Computational, Economics Explorer, Earth Explorer, Galaxy Explorer, Language Explorer, Geography Explorer* dan *Biology Explorer* Tahun 2026** pada **22 April hingga 8 November 2026**. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi:

- 3.1 Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 7/1988: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan;
- 3.2 SPI Bilangan 8/1995: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Bukan Induk;
- 3.3 SPI. Bil.8/2009: Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan;

...2/-

- 3.4 Bil.5/2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 3.5 SPI Bil.9/2023: Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023;
- 3.6 Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010: Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar dan;
- 3.7 Surat Siaran KPM Bil. 9 Tahun 2024: Pelaksanaan Surat Akuan Ibu Bapa/Penjaga Untuk Kebenaran Rakaman Gambar/ Video/ Audio Murid Serta Memuat Naik Ke Laman Media Sosial Bagi Program Anjuran Institusi Pendidikan Bawah KPM.

4. Selaras itu, perkara yang perlu dipatuhi oleh penganjur dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 4.1 pihak penganjur hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri setelah mendapat maklum balas dari KPM dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program;
- 4.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 4.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 4.4 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.5 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/program/aktiviti sekolah;
- 4.6 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.7 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;

- 4.8 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
- 4.9 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;**
- 4.10 pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster/gegantung/hebahan digital/sijil** untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 4.11 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini**. Syarat permohonan adalah seperti dalam **Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia** (<https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>);
- 4.12 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni, pembinaan karakter murid dan perpaduan diterapkan dalam pelaksanaan program;
- 4.13 bagi **tujuan pengiktirafan** program, pihak penganjur perlu mengemukakan **permohonan rasmi berserta satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada **Pengarah BSKK**, KPM tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program;
- 4.14 pihak penganjur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (seperti di Lampiran B)** kepada pihak BSKK dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 4.12 KPM berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.

4. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd.** yang akan menganjurkan **Pertandingan *Kangaroo Math, Kancil Science, Beaver Computational, Economics Explorer, Earth Explorer, Galaxy Explorer, Language Explorer, Geography Explorer* dan *Biology Explorer* Tahun 2026** pada **22 April hingga 8 November 2026 sahaja**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah BSKK, KPM.

5. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Puan Putri Asnorsalbiah binti Ahmad** di talian **03-88721636** atau e-mel **putri.ahmad@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINAL BIN ABAS)

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Sektor Operasi Sekolah
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: Pengarah,
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI / PROGRAM)

- 1.0 Nama Program/Aktiviti:
2.0 Tarikh Pelaksanaan:
3.0 Mod Pelaksanaan:
4.0 Penyertaan (jantina/bangsa):

BI L	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	/ NEGERI / NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
JUMLAH											

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti:
6.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang Diturunkan: (****Jika berkaitan*)
7.0 Tetamu Kehormat (VIP): (****Jika berkaitan*)
8.0 Pemenang: (****Jika berkaitan*)

KATEGORI PERTANDINGAN					
Kedudukan	Nama murid	Id murid	Sekolah	Kod Sekolah	JPN
Pertama					
Kedua					
Ketiga					
Keempat					
Kelima					

- 9.0 Isu dan cabaran:
10.0 Cadangan penambahbaikan:
11.0 Gambar:

**Sertakan 1 Salinan surat Maklum Balas dan Surat Setuju Terima*

Disediakan Oleh:

Tarikh: